

22 MAR 1998

P.Ramlee-Tabung

"TABUNG BIN RAMLEE BIN PUTIH" DI LANCAR

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Sebuah tabung khas dinamakan "Tabung Bin Ramlee Bin Putih" dilancarkan bersempena hari jadi seniman agung P.Ramlee hari ini bagi membantu kehidupan anak-anak Allahyarham.

Bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid ketika melancarkannya di Matic di sini berkata, penubuhan tabung ini patut dipuji kerana ia dilakukan atas kesedaran mahu melihat kehidupan anak-anak seniman agung lebih selesa.

Tan Sri Ahmad Sarji mengaku beliau adalah salah seorang peminat setia Allahyarham dan tidak pernah melepaskan peluang untuk mendengar atau menonton hasil seninya semenjak beliau masih berumur belasan tahun.

"Pada tahun 1961 saya ada terbaca di akhbar New Strait Times bahawa penduduk Tanah Melayu pada ketika itu hanya mengenali dua orang personaliti sahaja iaitu Tunku Abdul Rahman dan P.Ramlee," kata Tan Sri Ahmad Sarji.

Tabung itu dinamakan sedemikian bagi tidak membezakan kedudukan di antara anak sebenar Allahyarham dan anak angkatnya, kata pengilham tabung itu, bekas Ketua Pengarah Arkib Negara, Datuk Zakiah Hanum.

Difahamkan juga, hasil kutipan tabung ini juga akan digunakan untuk mengumpul hasil-hasil seni tinggalan Allahyarham yang bertaburan di merata negara.

Ahmad Sarji berkata, atas kesedaran bahawa Allahyarham telah banyak menabur bakti terhadap perkembangan seni negara, beliau pada tahun 1990 ketika masih memegang jawatan Ketua Setiausaha Negara telah mencadangkan Allahyarham dianugerahkan gelaran Tan Sri secara "posthumous".

Cadangan itu telah dipersetujui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kelulusan juga telah diberikan oleh Yang di-Pertuan Agong pada ketika itu, Sultan Azlan Shah, katanya.

Beliau berkata, anugerah itu juga selari dengan apa yang dilakukan oleh negara-negara barat seperti anugerah yang diterima oleh Lawrence Olivier dan Charlie Chaplin daripada Permaisuri England.

Datuk Zakiah berkata, acara-acara bagi memperingati Allahyarham perlu diadakan dengan lebih kerap lagi bagi memastikan beliau tidak dilupakan oleh masyarakat Malaysia.

Sehubungan itu, Datuk Zakiah berkata, hasil-hasil seni Allahyarham harus dipulangkan kembali kepada waris-warisnya dan seterusnya membolehkan rakyat Malaysia menikmati warisan tinggalan seniman agung itu.

Allahyarham kata Datuk Zakiah merupakan seniman teragung dunia kerana sehingga kini hanya beliau berupaya mengarah filem, berlakon, mengubah lagu, menyanyi, melawak dan lain-lain lagi

Sementara itu, salah seorang rakan karib Allahyarham, Aziz Sattar berkata hasil kutipan tabung itu boleh juga digunakan untuk membina surau di atas nama seniman atau untuk perkara-perkara amal jariah.

Penyanyi baru daripada Suria Records, Liza Hanim pula berkata, walaupun beliau tidak seangkatan dengan seniman tetapi ia tidak pernah menghalangnya meminati hasil karya seni tinggalan Allahyarham.

Sebuah syarikat hiburan, Felix Entertainment pula di dalam usahanya untuk meningkatkan apresiasi masyarakat Malaysia terhadap karya-karya seni Allahyarham telah mereka bentuk sebuah hompej khas untuknya.

Hompej yang beralamat di <http://www.pramlee.com.my> itu mempunyai pelbagai informasi seperti nama-nama lagu ciptaannya, filem arahnya dan pelbagai maklumat berkenaan Allahyarham. -- BERNAMA

MHI WAT

